



# NEGARAWAN ULUNG





PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# NEGARAWAN ULUNG



PUSTAKA PERDANA



1006210



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN

5793



*Ucapan Y.A.B Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri, ketika mengemukakan usul merakamkan Ucapan Takziah di atas berpulangnya ke Rahmatullah Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, di Dewan Negara pada hari Rabu, 21hb. Januari, 1976 jam 2.30 petang*

V



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**S**AYA mohon mengemukakan suatu usul:

**“Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Hussein dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya.”**

Pada hari Rabu, 12 Muharram 1396 bersamaan 14hb. Januari, 1976, dengan kehendak Allah Subhanahu Wata‘ala Malaysia dan rakyatnya telah kehilangan seorang patriot dan pahlawan bangsa, seorang negarawan, seorang pemimpin ulung yang dihormati dan disayangi, seorang bapa kepada satu keluarga, iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Tun Haji Abdul Razak.

Sebagai sahabat karib dan rakan seperjuangan saya, malah kepada seluruh negara, kematian Allahyarham merupakan satu kehilangan yang paling besar, satu kehilangan yang sukar dicari ganti. Sekalipun demikian, kita penuh syukur ke hadrat Allah kerana cubaan yang dihadapi oleh negara ini tentulah mempunyai hikmat dan rahmat disebaliknya. Marilah kita berdoa semoga Allah mencucuri rahmat dan rahimNya ke atas roh Allahyarham di kalangan Syuhadah dan Salihin.

## **Sanjungan Negara dan Dunia**

Sifat-sifat kepimpinan dan kebijaksanaan Allahyarham Tun Abdul Razak merupakan beberapa aspek kehidupan yang bukan sahaja disanjung dan dihormati oleh rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan ugama, tetapi juga disayangi dan dihormati oleh rakyat serta pemimpin negara-negara jiran dan dunia amnya.

Dalam hubungan inilah, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini memberikan penghormatan kepada seorang Parliamenterian bekas Ahli Dewan Rakyat dari Kawasan Pekan dan Perdana Menteri Malaysia yang kedua, iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein.

Seperti yang bakal diriwayatkan oleh ahli-ahli sejarah kelak, setiap detik perjuangan hidupnya dan jasa-jasa Allahyarham kepada negara akan dirakamkan dengan tinta emas untuk warisan jenerasi masa hadapan. Sungguhpun Allahyarham Tun Abdul Razak telah meninggalkan kita kira-kira tujuh hari yang lalu, tetapi kenyataan ini masih belum dapat diterima oleh rakyat ramai. Bahkan kita masih dapat merasakan betapa hampirnya kita dengan Allahyarham dari segi masa dan waktu untuk menghargai seluruh jasa dan khidmatnya ataupun untuk menyedari sejauh mana kehilangan

Allahyarham itu merugikan negara kita Malaysia dan juga dunia seluruhnya.

### **Pemimpin Berjiwa Rakyat**

Saya adalah seorang yang benar-benar hampir dengan Allahyarham Tun Razak, baik dari segi pertalian keluarga mahupun sebagai seorang sahabat dan rakan seperjuangan dalam UMNO. Buat diri saya, Allahyarham adalah seorang yang jujur, penuh azam, berhemah tinggi tetapi sederhana dalam kehidupannya dan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat. Falsafah hidupnya ialah untuk sentiasa berbakti kepada bangsa dan negara *“and with malice towards none, with charity for all”* — atau tanpa dengki dengan sesiapa malah beramal kepada semua. Allahyarham sentiasa menunjukkan kasih, bersifat sabar dan tidak ingin bermusuhan dengan sesiapa. Samada dalam hubungan sesama manusia ataupun antara negara, ia sentiasa cuba berikhtiar mewujudkan persahabatan dan mencari jalan tolak ansur dan damai, dalam semua masalah. Ini terbukti dengan kejayaannya memulihkan hubungan antara Malaysia dan Indonesia dan mengeratkan semula jalinan persahabatan antara kedua negara setelah mengalami zaman gelap selama beberapa tahun. Dalam segala tindakannya, Allahyarham, seberapa boleh, menjaga perasaan seseorang supaya tidak tersinggung. Kalaupun ia terpaksa mengambil sesuatu tindakan tegas dan keras, Allahyarham itu melakukannya dengan perasaan yang amat berat.

Dalam falsafah politiknya Allahyarham sentiasa ingat kepada kata-kata Lord Acton iaitu *“Power corrupts, and absolute power corrupts absolutely”*. Walaupun demikian, Allahyarham telah membuktikan bahawa kata-kata itu tidak tepat dan ada kecualinya. Walhal, Allahyarham sendiri terkecuali dari kata-kata itu.

## Kejayaan Hidup

Mengenai kejayaan hidupnya, bolehlah dikatakan Allahyarham telah mencapai kejayaan yang sangat gemilang. Sejak di bangku sekolah lagi ia telah membuktikan kebolehannya dalam bidang pelajaran dan di lapangan sukan. Allahyarham adalah angkatan pertama Pegawai Pentadbir Melayu memasuki Raffles College tetapi terbantut oleh kerana peperangan.

Allahyarham lulus Ilmu Undang-Undang dalam masa 18 bulan sahaja, satu tempoh yang paling singkat. Dalam pergolakan hidupnya dan perjuangan politiknya, ia mencapai puncak kejayaan dalam tempoh yang singkat juga. Allahyarham menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dalam usia 28 tahun. Menjadi Timbalan Presiden UMNO ketika berusia 29 tahun menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang ketika berumur 30 tahun, menjadi Menteri Besar Pahang ketika umurnya 33 tahun, menjadi Menteri Pelajaran Pusat pada umur 34 tahun, dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri ketika berumur 35 tahun dan akhirnya menjadi Perdana Menteri ketika berusia 48 tahun. Tidak syak lagi, kejayaan yang dicapainya itu sukar dibandingkan dan patut menjadi contoh tauladan dan inspirasi kepada golongan dan angkatan muda di tanahair kita pada masa ini dan pada masa akan datang.

Sekalipun Allahyarham telah mencapai mercu kejayaan hidup dan memegang kuasa politik mutlak, tetapi ia sekali-kali tidak mabuk kuasa. Ini terbukti dalam masa darurat, Peristiwa 13 Mei dahulu, dalam mana beliau berkuasa penuh sebagai Pengarah *National Operations Council* (MAGERAN), tetapi ia tidak menggunakan kuasa mutlaknya itu dengan sewenang-wenangnya, malah sebaliknya telah mengembalikan kuasa

kepada rakyat sebaik sahaja selesai tugasnya memulihkan keamanan dan ketenteraman dalam negara. Tidak ramai pemimpin dalam sejarah dunia yang berbuat demikian sebaliknya ada pula yang mengambil kesempatan menggunakan kuasa untuk kepentingan diri.

Sepanjang yang saya tahu, Allahyarham Tun Razak tidak pernah bersikap bongkak dan bertindak sesuka hati kerana beliau berpegang kepada hakikat bahawa kuasa bukanlah suatu nikmat tetapi sebagai satu tanggungjawab. kepadanya, kuasa mutlak ialah tanggungjawab mutlak, iaitu satu beban yang paling berat untuk dipikul oleh seseorang pemimpin dalam satu jangka waktu yang tidak ditetapkan.

Sebenarnya, Tun Razak boleh menggunakan kuasa untuk kesenangan dirinya tetapi ia tidak pernah menyeleweng daripada pegangan hidupnya yang jujur dan serba sederhana itu. Pernah Allahyarham menyatakan bahawa hasrat dirinya, selepas menyempurnakan tanggungjawab kepada negara ialah untuk bersara dan tinggal sebagai rakyat biasa di sebuah kampung di tepi Sungai Pahang.

## **Pelopor dan Peneroka**

Seperti yang kita ketahui, Allahyarham telah menumpukan seluruh hayatnya semata-mata berkhidmat dengan tidak mengenal penat lelah, tanpa menghiraukan kesihatan diri untuk rakyat dan negara. Sebagai pemimpin rakyat, ia telah memelopori gerakan pembangunan luar bandar semenjak dari tahun lima puluhan dahulu. Hasil dari usahanya inilah kita melihat perubahan wajah kawasan luar bandar yang ketinggalan terbiar semenjak zaman penjajah dengan pembinaan kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, mesjid, taliair, bekalan letrik, projek-projek pembangunan besar dan

kecil. Rancangan-rancangan kemajuan tanah Felda yang luasnya beratus ribu ekar telah, membawa kehidupan yang lebih sempurna kepada rakyat yang tidak berpeluang. Rancangan-rancangan raksaksa yang sedang diusahakan pada masa ini di Jengka, di Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Terengganu Tengah adalah hasil dari pemikiran Allahyarham dan inilah antara kesan-kesan yang diwariskannya kepada negara dan jenerasi akan datang.

Di lapangan pelajaran, Allahyarham sebagai Menteri Pelajaran yang pertama telah memelopori Dasar Pelajaran Kebangsaan yang menuju kepada wujudnya perpaduan menerusi satu sistem pelajaran yang disatukan. Hasil dari dasar ini jelas kelihatan sekarang dengan timbulnya masyarakat baru yang berfikir, bertindak sebagai warganegara Malaysia yang tulen. Universiti Kebangsaan Malaysia di mana Allahyarham menjadi Canselor yang pertama adalah mercu dari Dasar Pelajaran Kebangsaan itu.

Semasa Allahyarham mengetuai Kerajaan, buat pertama kali dalam sejarah, negara mempunyai falsafah iaitu Rukunegara. Begitu juga Dasar Ekonomi Baru yang menjadi landasan Rancangan Malaysia Kedua adalah hasil ilham kepada Allahyarham yang bertujuan merapatkan jurang ekonomi antara kaum dan telah mendorong kepada perkembangan ekonomi yang sihat demi mewujudkan satu masyarakat adil, makmur dan bersatu padu. Pengajaran pahit yang didapati selepas Peristiwa 13 Mei sangat menyentuh hatinya dan dalam usaha membentuk satu masyarakat Malaysia yang berdisiplin, yang memahami cita-cita kebangsaan, Allahyarham telah berjaya meletakkan asas perpaduan negara menerusi Rukunegara.

Dalam bidang hubungan luar negeri, Allahyarham Tun Razak, dengan kerjasama dan sokongan rakan-rakan dalam ASEAN, telah berjaya meneroka jalan menuju ke arah wujudnya rantau Asia Tenggara yang berkecuali, aman dan stabil. Dalam konteks ini, bolehlah di anggap bahawa Allahyarham Tun Razak merupakan seorang putera perdamaian. Salah satu harapannya yang besar ialah bahawa negara-negara di Asia Tenggara dan di dunia membelakangkan pergeseran dan kekerasan dan hidup bersama dengan aman dan harmoninya sekalipun berbeza dalam ideologi dan sistem sosial. Beliau yakin bahawa Asia Tenggara amat perlukan keamanan agar segenap tenaga rakyat dapat disalurkan ke dalam pembinaan dan pembangunan sosio-ekonomi. Pendeknya, dasar luar yang dipeloporinya ialah untuk berbaik-baik dengan semua negara yang ingin bersahabat dengan Malaysia tidak kira apa jua sistem sosial atau ideologi mereka.

Di akhir hayatnya, sekalipun Allahyarham uzur, tetapi ia masih lagi berazam untuk meneruskan usaha dan cita-citanya mengekalkan keamanan di Asia sehinggalah tiba saat ianya dipanggil menemui Tuhannya. Allahyarham kembali dalam usia yang masih muda — 53 tahun — dalam saat-saat negara masih memerlukan khidmat dan pimpinannya, di tengah-tengah keazamannya masih memuncak hendak meneruskan cita-citanya yang belum selesai itu.

Seperti yang saya sebutkan tadi, kita masih terlalu hampir dari segi masa, kepada Allahyarham untuk memberikan penilaian yang mendalam akan peranan dan jasa baktinya dalam usaha membentuk negara Malaysia moden dan mewujudkan serta memelihara keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara. Mungkin tepat kalau saya sifatkan Allahyarham sebagai, seorang yang banyak peranannya. Kejayaannya terlalu banyak.

Hanya riwayat hidup yang lengkap sahaja yang dapat memberi gambaran yang adil kepadanya.

Saya penuh yakin apabila sejarah Malaysia moden di tulis kelak, tidak syak lagi Tun Razak akan dicatit dalam Buku Sejarah itu sebagai seorang pemimpin besar, seorang statesman, seorang pembentuk dan pelopor gagasan rantau Asia Tenggara yang aman, bebas dan berkecuali.

Dalam sejarah negara, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman kita sifatkan sebagai Pengasas Malaysia. Tun Razak telah mengukuhkan asasnya. Dengan kemajuan negara kita yang berkembang pesat, dengan ekonomi yang kukuh, tidak siapa dapat menafikan bahawa sebahagian besar daripada usaha membangun Malaysia itu terletak pada kemimpinan dan *vision* Tun Razak sendiri.

Ringkasnya, kesan-kesan jasa Tun Razak dapat dilihat dimana-mana — dalam pemodenan dan perubahan masyarakat luar bandar; dalam penciptaan sistem pelajaran kebangsaan untuk menyatukan rakyat; dalam pembentukan pasukan keselamatan yang berdisiplin dan utuh; dalam menyatukan sektor ekonomi yang bercorak moden menerusi Dasar Ekonomi Baru .... malah, di atas segala-galanya, dalam meletakkan asas masyarakat Malaysia yang adil, bersatu padu dan makmur menerusi Rukunegara.

Dari kisah hidupnya yang penuh dengan ciri-ciri perjuangan dan kejayaan, dari konsep hidupnya yang penuh *vision*, dari semangat dedikasinya dan keazamannya meneruskan cita-cita negara rakyat Malaysia. Marilah kita bersama-sama meneruskan perjuangan yang telah diasaskan oleh pemimpin besar dan negarawan Malaysia yang ulung itu.

Sebagai Perdana Menteri yang mengambil alih tugas selepasnya, saya bertanggung-jawab mewarisi dan meneruskan amanah yang ditinggalkannya. Saya berikrar kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada negara untuk berusaha dengan sedaya upaya saya memenuhi cita-cita Allahyarham untuk membina sebuah negara Malaysia yang adil, makmur dan ber-satu padu, di samping mengekalkan keamanan menerusi dasar berkecuali di rantau Asia Tenggara supaya Malaysia yang kita cintai ini terus mendapat tempat sewajarnya sebagai negara progresif di kalangan dunia antarabangsa.

**Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia,  
Kementerian Penerangan,  
dan dicetak oleh Percetakan Damai Sdn. Bhd., K.L.**

